


Program Jejak Gelandangan Semarak Jiwa Sukarelawan Mahasiswa UPM, pupuk semangat sukarelawan di kalangan mahasiswa



KUALA LUMPUR, 7 Mei – Seramai 50 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) turun padang menyantuni komuniti gelandangan sekitar ibu kota menerusi program Jejak Gelandangan: Cakna Universiti, Bakti Insani baru-baru ini, sebagai usaha memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan mahasiswa.

Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM itu yang diadakan di Pusat Kebajikan dan Dakwah Singgah Teduh Nur Qaseh serta beberapa lokasi tumpuan gelandangan, Skuad Sukarelawan Jiwa Putra mengagihkan pek makanan, pakaian, barang kebersihan dan keperluan asas sebagai tanda solidariti terhadap ‘rakan jalanan’ menjelang Aidilfitri.

Pengarah program, Muhamad Syafiq yang juga Ahli MPP UPM berkata, pendekatan turun padang ini bukan sekadar menyampaikan bantuan, malah mengangkat nilai ihsan dan kasih sayang sesama insan.



"Kehadiran kami bukan hanya soal memberi, tetapi membina semangat kekeluargaan dan kemanusiaan dan sejajar dengan hala tuju True North UPM yang menekankan pembangunan holistik pelajar meliputi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah," katanya.

Selain itu, program yang berlangsung turut diadakan aktiviti gotong-royong, ramah mesra serta jamuan Aidilfitri yang mempertemukan dua dunia, mahasiswa dan komuniti terpinggir dalam suasana penuh mesra dan hormat.



Penganjuran turut mendapat kerjasama daripada beberapa rakan strategik seperti Kelab Inspires Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pertubuhan Sukarelawan Satria Malaysia (SATRIA MIVEC), Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM), Pertubuhan Kembara Kesukarelawan Malaysia (VTM), Pertubuhan Jiwa Amal Malaysia (JIWA) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Dalam pada itu, inisiatif seperti ini menjadi bukti bahawa mahasiswa bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah turut berperanan sebagai agen perubahan masyarakat.

